

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.9 HINGGA NO. 75)

SOALAN NO.4 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.8 DAN NO.39

19 MAC 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7)**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

TARIKH : 19.3.2015

SOALAN :

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah bentuk kerjasama yang dicapai hasil daripada lawatan YAB Menteri Pendidikan ke Negara China pada penghujung tahun lepas di dalam usaha mengantarabangsakan Bahasa Melayu dan menjadikan Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Menteri Pendidikan telah mengadakan lawatan rasmi ke Beijing Foreign Studies University (BFSU), Republik Rakyat China (RRC) pada 2 Disember 2014. Hasil daripada lawatan tersebut, bentuk kerjasama yang dicapai, antaranya termasuklah penubuhan Pusat Bahasa Melayu di BFSU agar bahasa Melayu dapat dikembangkan di RRC dan Asia Timur lainnya. Tapak pusat tersebut telah disediakan oleh BFSU yang akan bertindak sebagai peneraju utama manakala Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai urus setia bagi pihak Kerajaan Malaysia.

Di samping itu, BFSU telah dilantik sebagai Pangkalan Pengembangan Bahasa Melayu di RRC dan lapan (8) buah universiti dan organisasi yang terlibat dalam pentauliahan pengajar bahasa Melayu di RRC sebagai Badan Pengembangan Bahasa Melayu.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 melalui Anjakan ke-2 menyatakan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan setiap murid berpeluang mempelajari bahasa tambahan dari peringkat rendah sehingga peringkat menengah menjelang 2025. Sehubungan dengan itu, KPM sedang merancang pendekatan terbaik pengambilan tenaga pakar dari Republik Rakyat China (RRC) boleh memberi impak optimum terhadap keberhasilan murid bagi tempoh jangka masa panjang. Keberhasilan inisiatif tersebut adalah untuk menghasilkan murid yang boleh menguasai Bahasa Cina serta mempunyai kemahiran untuk bertutur, membaca dan menulis.

Cadangan menggunakan kepakaran dari RRC akan dapat membantu Kementerian menghasilkan guru Bahasa Cina yang dapat memenuhi keperluan sekolah KPM di samping memperkukuhkan pelaksanaan sedia ada Bahasa Cina sebagai bahasa elektif di sekolah KPM.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
KAWASAN : DUNGUN
TARIKH : 19 MAC 2015, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah dan jaminan kejadian banjir jajaran Lebu Raya Pantai Timur (LPT) di Temerloh dan Bukit Besi tidak berulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, reka bentuk aras ketinggian lebuh raya di negara ini sebenarnya telah mengambil kira faktor kebarangkalian banjir di laluan berkenaan. Penetapan aras ketinggian jalan tersebut dibuat berasaskan kepada reka bentuk banjir, iaitu Ulang Tahun Kejadian atau 'Average Recurrence Intervals' (ARI) dengan ciri-ciri teknikal seperti berikut:

- (a) Reka bentuk aras tambakan tanah ('embankment'), iaitu aras 'subgrade' perlu sekurang-kurangnya 300 milimeter di atas paras tempoh 25 ARI / 'Years Flood';
- (b) Reka bentuk sistem pembetulan ('culvert') mengambil kira tempoh 50 ARI / 'Years Flood'; dan
- (c) Reka bentuk aras jambatan pula mengambil kira tempoh 100 ARI / 'Years Flood'.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kejadian banjir yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur pada akhir tahun 2014 yang lalu ialah merupakan antara kejadian banjir terburuk pernah berlaku di negara. Bencana tersebut turut mengakibatkan laluan Lebuhraya Pantai Timur terputus hubungan, iaitu di Temerloh, Pahang dan Bukit Besi, Terengganu berikutan peningkatan paras air yang luar biasa di kawasan berkenaan akibat hujan yang berterusan untuk tempoh beberapa hari. Atas faktor keselamatan, laluan tersebut terpaksa ditutup kepada semua jenis kenderaan dan trafik terpaksa

disuraikan dan dilencongkan ke jalan alternatif lain sehingga keadaan banjir kembali pulih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa komited bagi memastikan tahap keselamatan dan keselesaan para pengguna lebuhraya. Walau bagaimanapun kejadian banjir yang berlaku kali ini adalah di luar jangkaan. Untuk mengurangkan risiko banjir di laluan Lebuhraya Pantai Timur yang terlibat, kementerian ini menerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat konsesi ANIH Berhad serta agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan akan mengkaji langkah-langkah bersesuaian yang boleh dilaksanakan pada masa hadapan.

Sekian. Terima kasih.